

TR 3:7:75

UCAPAN PERDANA MENTERI MERANGKAP
PENGERUSI BARISAN NASIONAL, DI PEM-
BUKAAN RASMI PERSIDANGAN AGUNG
TAHUNAN KONGRES INDIA MALAYSIA (MIC)
DI FEDERAL HOTEL, KUALA LUMPUR PADA
5HB JULAI, 1975

Saudara Pengerusi, Y.B. Tan Sri Manickavasagam, Ahli-ahli
Jawatankuasa Kerja Pusat MIC, Dif-dif terhormat, Saudara-
saudara sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih atas jemputan saudara-saudara
sekalian menghadiri Persidangan Agung saudara-saudara yang
penting dan seterusnya merasmikannya.

Di atas ikrar taat setia dan kerjasama inilah yang pertama di
adakan selepas Barisan Nasional mendapatkan kejayaan yang
cemerlang dalam Pilihanraya Umum bulan Ogos lalu. Kita semua
amat berbangga dengan keputusan rakyat memberikan mandat
yang sebegitu besar yang menandakan rakyat benar-benar yakin
serta meletakkan kepercayaan penuh terhadap Barisan Nasional.

Oleh yang demikian, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab
tiap-tiap anggota Barisan Nasional memelihara dan memupuk
kepercayaan rakyat itu dan seterusnya Kerajaan menjalankan
langkah dan usaha yang telah dijanjikan dalara Manifesto Pilihan-
raya Umum itu. Keputusan Pilihanraya Kecil Kawasan Selayang
baru-baru ini menunjukkan bahawa tindakan yang sedang dilaku-
kan oleh Kerajaan Barisan Nasional mendapat sokongan rakyat
dan mereka tidak terpengaruh oleh tindak tanduk parti-parti
lawan kita.

I feel much honoured to be here this morning to officially
declare open your Annual General Assembly. The last time I was
with you all was in July last year, when I was given the honour to
declare open your Annual General Assembly, which was just
about a month before we had the General Elections.

The meeting this morning is significant in that this is your first assembly after our triumphant victory in the General Elections. The people have given the Barisan Nasional full and unqualified support and it is our duty to honour the mandate they have given us. We can do this so long as we in the Barisan maintain our unity and solidarity in the face of any attempt by those who would want to see dissention and distrust in the ranks of Barisan. We have therefore to be vigilant especially against anti-national elements who are bent to bring chaos and disorder among our people.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam Perhimpunan Agung UMNO Malaysia baru-baru ini, saya telah menghuraikan dengan panjang lebar isu-isu yang sedang kita hadapi pada masa ini. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut, saya telah menyeru supaya kita semua menjaga serta menguatkan perpaduan dalam parti. Tiap-tiap parti dalam Barisan Nasional mestilah kukuh dan kuat kerana sekiranya mana-mana parti gabungan dalam Barisan Nasional mengalami kelemahan yang boleh pula membawa kepada perpecahan, ini akan menjadikan Barisan Nasional lemah pula. Musuh-musuh negara akan cuba memecahkan Barisan Nasional dan dengan demikian akan menghancurkan harapan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik dan sempurna. Oleh itu kita hendaklah berjaga-jaga agar perkara ini tidak akan berlaku.

At the UMNO General Assembly recently, I spoke at length about the general situation in the country. Our country and our nation is facing serious challenges—social as well as security—but we can surmount these because the people are solidly behind us. I am confident, so long as we can show to the people that we are sincere in our efforts and united in our approach, our nation will continue to flourish and prosper. It is the duty of everyone of us in the Barisan Nasional to constantly remind ourselves that, above all else, unity and solidarity are the two most essential elements in maintaining trust and support from the people. It is also equally important that there is complete unity within each component member of the Barisan Nasional.

When I addressed the Assembly last year, I mentioned that MIC had made tremendous progress since its reorganisation. From the reports that I have seen, I am even more delighted to see that not only had MIC maintained its unity and solidarity, it had also achieved much more progress in the space of just over a year. I congratulate all of you for this magnificent achievement. This is a great encouragement both to our Party and the Government and as I had stressed on several occasions, we shall not relent in our efforts to eradicate poverty from our midst and give our people a better life.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam UMNO sendiri saya beberapa kali menyeru dan menyebut agar ahli-ahli UMNO sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga dan dapat membezakan apakah isu yang sebenarnya dan apakah pula isu-isu yang sengaja ditimbul dengan tujuan menanam perasaan curiga mencurigai di antara satu dengan lain. Dengan cara yang demikian, puak anti-nasional ini dapat menjalankan jarum mereka dan memecah belahkan parti. Inilah yang harus kita berjaga-jaga pada masa ini.

Rakyat telah menunjukkan keyakinan dan kepercayaan mereka terhadap Barisan Nasional dan Kerajaan yang didukung oleh Barisan Nasional. Pihak-pihak yang gagal mempengaruhi rakyat dalam Pilihanraya Umum yang lepas sudah tentu tidak akan berdiam diri dan menerima hakikat tersebut. Mereka akan berusaha dan akan cuba membangkitkan sesuatu yang boleh mencemarkan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Namun hingga masa ini, setelah beberapa pilihanraya kecil, usaha mereka itu tidak berjaya.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, hasrat dan matlamat Kerajaan Barisan Nasional yang saya pimpin ialah untuk melahirkan sebuah masyarakat yang adil, makmur dan bahagia. Sudah tentu hasrat ini akan mengambil masa tetapi kalau kita menjalinkan kerjasama serta semangat bantu membantu dalam segala tindakan dan usaha kita, sudah tentu kita akan mencapai matlamat ini dengan lebih segera lagi.

Akan tetapi semuanya bergantung kepada satu fakta yang penting iaitu rasa persefahaman antara rakyat seluruhnya. Dengan adanya rasa persefahaman ini barulah dapat kita mengukuhkan perpaduan. Rasa persefahaman ini tidak akan lahir kalau tidak ada kejujuran-kejujuran pada diri kita sendiri, kepada parti dan juga Kerajaan. Saudara-saudara tentu faham bahawa tanpa kejujuran ini rakyat mudah boleh digoda oleh anasir-anasir yang mahu menimbulkan huru-hara dengan memainkan isu-isu yang bercorak kedaerahan atau perkauman dan penuh dengan sentimen.

Saudara-saudara sekalian,

Saya suka juga menyentuh tentang keadaan keselamatan dalam negeri pada masa ini. Kita tahu tujuan jahat puak-puak anti-nasional bukanlah hanya setakat menyemai perasaan bimbang dan curiga di kalangan rakyat, mereka menggunakan kekerasan dan bersifat kejam seperti yang berlaku baru-baru ini.

Kita akan mengambil segala langkah yang perlu untuk menghapuskan anasir-anasir jahat ini supaya rakyat dapat hidup dalam aman dan tenteram. Setelah tamat perang di Indo China, kita bimbang kalau senjata-senjaia moden yang begitu banyak ditinggalkan oleh pihak Amerika ini mungkin akan jatuh ke tangan penjahat-penjahat Komunis. Oleh itu kita mesti menguatkan keadaan berjaga-jaga di darat dan di laut supaya dapat dicegah perbuatan menyeludup senjata ataupun dadah yang sama bahayanya.

Seperti yang sering saya katakan, kita yakin dapat mengalahkan musuh-musuh negara ini kerana yang pertamanya, adanya perpaduan di antara rakyat sekalian. Selagi mereka tidak mendapat sokongan dari mana-mana golongan rakyat selagi itu mereka tidak akan dapat mencapai cita-cita jahat mereka. Tambahan pula, apa yang dipbrjuangkan oleh mereka itu tidak dapat diterima oleh rakyat. Kerajaan telahpun mengambil langkah-langkah tegas bagi menjamin kebahagiaan rakyat dan rakyat sendiri tahu bahawa kita bersungguh-sungguh dan jujur menolong mempertinggikan taraf hidup mereka.

Rakyat yang taat kepada negara dan yang telah menerima Malaysia sebagai negaranya sendiri tentu faham dan mengetahui bahawa kemajuan dan kebahagiaan hidup tidak akan dapat tercapai melainkan dengan keadaan aman dan tenteram. Dalam negara yang berdasarkan demokrasi, tidak ada sebabnya bagi anasir-anasir anti-nasional menggunakan kekerasan terhadap Kerajaan yang dipilih dan disokong oleh rakyat. Kalau mereka berbuat begini, ini bermakna mereka adalah menentang rakyat sendiri. Oleh itu saya yakin dan percaya rakyat tahu bahawa anasir-anasir anti-nasional ini bukanlah orang yang sebenar-benar ingin melihat rakyat hidup dalam keadaan aman dan bahagia. Mereka adalah penjahat dan pengganas yang tidak mempunyai apa-apa prinsip atau pegangan dan mereka bertindak semata-mata untuk menimbulkan hum hara dan kesengsaraan kepada rakyat. These elements are bandits and traitors who are out to exploit the people for their own ends. They resort to terror and intimidation because of their frustration.

Saudara-saudara sekalian,

Pada Perhimpunan tahun lalu, saya menyebut beberapa perkara yang patut dibuat demi kepentingan rakyat dari semua kaum dan golongan. Usaha-usaha mengikis kemiskinan di kalangan rakyat dan mengimbangkan kedudukan masyarakat kita adalah satu proses yang berkehendakkan masa dan pelaksanaan yang adil dan saksama. Mungkin pada masa ini ada timbul perasaan tidak puas hati di kalangan sesuatu pihak, kerana lambatnya proses ini ataupun kerana berlakunya penyelewengan di dalam perkara-perkara tertentu. Di sinilah peranan ahli-ahli parti kita menjaga dan mengawasi.

Saudara-saudara sekalian,

Perbincangan-perbincangan yang berlangsung semasa Perhimpunan Tahunan ini akan menjadi pedoman dan panduan kepada Kerajaan dalam pelaksanaan dasar-dasarnya. Kerajaan akan memberi segala perhatian supaya dalam melaksanakan rancangan-rancangan dalam Dasar Ekonomi Baru itu setiap rakyat mendapat peluang dan merasakan keadilan dan kesaksamaan. Patut diingat dalam tiap-tiap satu desakan dan permintaan itu mestilah disesuaikan dalam konteks mencapai satu masyarakat adil dan

makmur yang kita cita-citakan. Dalam keadaan yang kita hadapi sekarang ini, patutlah disemak semula priority sesuatu permohonan terutama selagi kita belum keluar daripada keadaan inflasi dan recession. Harapan kita keadaan stagflasi ini akan berubah dalam tahun ini dan ekonomi dunia akan pulih semula yang akan membawa perubahan baik bagi negara kita.

In our New Economic Policy, every single one of us has a place and a role to play. We have to look at our national problems in the larger perspective of national interest rather than sectional interest. I am sure with the reservoir of sincerity and goodwill, we shall be able to solve whatever problems that our nation faces today.

During this Assembly, you all will be focussing your attention to the economic problems of the Indian community in the light of the Economic Blueprint presented to the Assembly last year. We all realise that there is still a wide economic gap between the rich and the poor within each community and between one community and the other.

As a measure to bridge the gap between the rich and the poor in our community, I have instructed the Ministry of Housing and New Villages to start planning and implementing housing schemes for the poor in the country. The Government will grant an initial capital of \$10 million as a revolving fund for the scheme.

With this scheme, we can at least meet part of the demand for housing by the low income group in the country. This scheme is meant for all rural estate workers, mining workers, factory workers and the rest. This is therefore a multi-purpose venture. In this connection, however, I would urge employers such as estate owners and industrialists to assist their workers in obtaining housing. This will greatly supplement the needs of the low income group for housing.

I have on several occasions stated that in accordance with our aim to restructure society, we need to balance our work force according to the racial composition in the country. We hope

employers will understand this point and start to correct the composition of their workers so as to reflect the diverse composition in our society.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya berharap Persidangan Tahunan MIC ini akan mencapai keputusan-keputusan yang akan membantu Kerajaan dalam usahanya untuk memberi kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat Negara kita yang berbilang bangsa serta menjamin keamanan yang berkekalan. Dengan harapan inilah saya dengan sukacitanya merasmikan Persidangan Agung Tahunan MIC ini.



Y.A.B. Tun Haji Abdul Razak bin Hussein sedang berucap diperhimpunan Agung yang kedua puluh tiga Kongres India Malaysia di Kuala Lumpur pada 5hb Julai, 1975